

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

DARIPADA : YB TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]

TARIKH : 30 OKTOBER 2019

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah status dan respon pelaksanaan *Digital Transformation Acceleration Programme* (DTAP), termasuk statistik pemohon dan penerima mengikut pecahan negeri, dan apakah langkah-langkah yang telah/akan diambil untuk menjayakan program ini

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Pencepatan Transformasi Digital atau "*Digital Transformation Acceleration Programme*" (DTAP) yang telah dilancarkan pada tahun 2018 adalah bertujuan bagi menggalakkan syarikat tempatan menggunakan teknologi digital untuk meningkatkan produktiviti, mengurangkan pergantungan pekerja asing serta mencipta sumber pertumbuhan dan model perniagaan baru.

2. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama antara Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) melalui Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI) melalui Malaysian Investment Development Authority (MIDA) dengan menggunakan pendekatan dan kaedah berstruktur iaitu melalui Makmal Transformasi Digital atau *Digital Transformation Labs* (DTL). Makmal ini menawarkan khidmat rundingan dan nasihat pakar global dalam bidang teknologi digital kepada syarikat-syarikat tempatan untuk memulakan proses

transformasi digital dalam proses pembuatan dan operasi syarikat tempatan.

3. Respon yang diterima daripada pihak industri dan syarikat tempatan adalah sangat positif. Sehingga kini, dengan kerjasama 14 Rakan Strategik Transformasi Digital, sebanyak 27 bengkel telah dianjurkan di bawah program DTAP. Sejumlah 474 syarikat tempatan telah menyertai dan mendapat manfaat serta terdapat sebilangan besar syarikat-syarikat ini telah memulakan proses pelaksanaan transformasi digital mereka.

4. Program ini juga menawarkan bantuan kewangan iaitu Geran DTAP Pilot yang diuruskan oleh MIDA. Geran yang ditawarkan ini berbentuk *matching grant* 1:1 kepada syarikat tempatan yang memenuhi kriteria bagi mendapatkan khidmat kepakaran dan pelaksanaan projek rintis transformasi digital di syarikat mereka.

5. Sehingga 30 September 2019, sebanyak tiga (3) permohonan telah diterima oleh MIDA di mana dua (2) daripada permohonan tersebut telahpun diluluskan. Dalam tempoh yang sama, terdapat 12 syarikat yang menunjukkan minat untuk melalui program DTAP. Syarikat-syarikat ini sedang dalam perbincangan dengan DTL bagi mengenalpasti proses-proses yang boleh ditambahbaik melalui pendigitalan berdasarkan '*pain points*' yang telah dikenalpasti.

6. Pihak kerajaan melalui MITI, MIDA dan MDEC telah melaksanakan pelbagai aktiviti dan usaha dalam memberi maklumat melalui platform dan saluran dengan pihak industri berkenaan program ini. Usaha ini akan terus dilaksanakan melalui sesi *engagement*, bengkel, seminar, forum dan program kesedaran bagi menggalakkan pihak syarikat dan industri untuk menyertai program ini dan seterusnya menggunakan teknologi digital dalam aktiviti pembuatan dan operasi syarikat.